

Rakyat digesa sokong keputusan Parlimen

TUMPAT, Isnin — Ahli Parlimen Tumpat, Haji Dusuki Haji Ahmad, menyeru rakyat supaya berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam menghadapi sebarang tentangan terhadap pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen, Ogos lalu.

Katanya, pindaan itu adalah mengikut hasrat rakyat yang disuarakan melalui Parlimen.

Beliau membuat gesaan itu dalam pertemuan dengan ketua beberapa cawangan Umno dalam kawasan Dewan Undangan Wakaf Baru, kelmarin.

Haji Dusuki, yang juga ahli Exco Pemuda Umno Malaysia berkata: "Sebagai Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pilihan seluruh ahli Umno kerana beliau di-

pilih dalam mesyuarat perwakilan Umno.

"Dalam isu pindaan Perlembagaan ini, Perdana Menteri tidak mungkin membuat kesilapan kerana beliau dikawal oleh Kabinet yang bersidang setiap minggu dan perwakilan Umno yang bersidang setiap tahun.

Taraf

Pindaan terhadap Fasal 66 (5) dan 150 Perlembagaan Malaysia tidak sekali-kali menjejaskan kedudukan dan taraf raja-raja Melayu sebagai sultan yang berdaulat dan pindaan itu tidak sekali-kali bertujuan untuk mengurangkan kuasa raja-raja."

Sebaliknya, Haji Dusuki menjelaskan, pindaan itu adalah

untuk lebih mengukuhkan kedudukan raja-raja, di samping memudahkan pentadbiran negara bagi kepentingan dan kebajikan rakyat.

"Kita tidak rela melihat kedudukan raja-raja terjejas. Tetapi kemungkinan itu tidak mustahil berlaku jika kelemahan-kelemahan tidak diperbaiki segera.

Haji Dusuki berkata, Perdana Menteri dan ahli-ahli Majlis Tertinggi Umno dapat mengesan kelemahan-kelemahan itu dan terus bertindak untuk memindaanya sebelum terlewat.

"Dalam dunia hari ini, ada hanya 20 orang raja, separuh darinya di Malaysia, iaitu sembilan Sultan dan seorang Yang Di-Pertuan Agung.